

MENEMUKAN KESUSASTERAAN ISLAM SINGAPURA KAJIAN CERPEN DAN SAJAK BERITA MINGGU 1999 DAN 2001¹

Mohamed Pitchay Gani Bin Mohamed Abdul Aziz
Institut Pendidikan Nasional
Universiti Teknologi Nanyang

"Tujuan serta matlamat sebenar kesusasteraan ialah untuk mendidik dan membantu manusia ke arah pencapaian ilmu yang menyelamatkan dan bukannya untuk membentuk makna spekulatif...Sesebuah karya sastera atau karya seni dalam Islam adalah alat atau bantuan dan bukannya pengakhiran realiti itu sendiri." (Haron Daud 1994:51)

1.0 Pengenalan

Kesusasteraan merupakan gumpalan kata-kata indah yang menjadi satu wacana pembawa nikmat kepada pembaca mahupun pendengar. Nikmat yang disulamkan ke dalam jiwa itu berasal dari dua dimensi iaitu fizikal mahupun spritual. Nikmat secara fizikal atau horizontal merupakan satu ciri kesusasteraan duniawi atau umum. Nikmat secara spiritual ini pula lebih mesra dengan unsur rohaniah iaitu antara yang wujud dengan halus. Dalam konteks kesusasteraan agama, ia lebih tertumpu kepada hubungan vertikal iaitu antara manusia dengan Tuhannya. Hubungan seumpama ini tidak harus disalahtafsirkan dengan hubungan antara manusia dengan kewujudan halus seperti jin, syaitan dan seumpamanya kerana hubungan seumpama ini masih dalam kategori hubungan horizontal kerana nikmatnya hanya sementara dan mampu merosakkan akidah pengamalnya, jika disalahgunakan.

Kertas kerja ini bertujuan merumuskan satu tanggapan atau gagasan mengenai kesusasteraan Islam di Singapura. Bagi merealisasikan tujuan ini, konsep dan gagasan daripada tokoh-tokoh tertentu telah dibincangkan. Kesusasteraan Islam secara umum dianggap sebagai bertunjangan ibadah berdasarkan *makna horizontal* dan *vertikal* yang berintikan konsep mistik dan realiti; yang terdapat dalam karya-karya Melayu penulis Singapura. Selain itu, kertas kerja ini telah menghasilkan satu tanggapan umum tentang konsep kesusasteraan Islam iaitu ia terbahagi kepada dua; *sastera Islam* dan *sastera bersumberkan Islam*. Genre kesusasteraan yang digunakan adalah cerpen dan sajak terbitan akhbar Berita Minggu Singapura sepanjang tahun 1999 dan 2000. Media akhbar digunakan memandangkan ia menerbitkan banyak karya-karya oleh penulis dari segenap lapisan masyarakat, bukan hanya penulis mapan atau sasterawan. Ini merupakan satu faktor penting dalam memantau perkembangan penulisan karya di Singapura. Cara ini memberikan pembaca gambaran sebenar dan beraneka tentang rentak tari kehidupan di Singapura berdasarkan latarbelakang dan pengalaman penulis yang berbeza.

¹ Dibentangkan sempena Pertemuan Sasterawan Nusantara ke 11 di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam pada 10-13 Ogos 2001.

2.0 Konsep Kesusasteraan Islam

Kesusasteraan Islam merupakan satu disiplin yang banyak mengalami polemik kerana tanggapan atau konsep yang diilhamkan oleh para sasterawan dan pengamal ilmu kesusasteraan. Sering terdapat jurang antara ratio dan keimanan. Keadaan seumpama ini memerlukan satu penyelesaian iaitu satu gagasan mutlak tentang kesusasteraan Islam. Jelas sekali istilah sastera Islam itu seharusnya bersandarkan hukum-hukum Islam.

Konsep 'seni untuk seni' belum mampu diklasifikasikan sebagai sastera Islam kerana ia menekankan keindahan karya untuk karya itu sendiri. Ini bermakna karya yang dihasilkan tidak semestinya memanfaatkan manusia. Karya tersebut bebas dalam apa jua bentuk persoalan dan kaedah. Ilhamnya terbit daripada pemikiran manusia yang sama sekali tidak mutlak². Keadaan tanpa kawalan dan tidak memberi hikmah kepada manusia amat bercanggah dengan konsep Islam itu sendiri. Begitu juga gagasan seni untuk sesuatu atau lebih tepat lagi masyarakat memandangkan memanfaatkan yang bakal diraih oleh manusia daripada karya tersebut. Namun karya yang dihasilkan tidak akan diklasifikasikan sebagai sastera Islam sekiranya ia hanya mementingkan manusia dan mengeneppikan Tuhan. Maka sastera Islam yang sebenarnya ialah sastera kerana Allah. Ia mendukung segala kewujudan manusia di muka bumi ini iaitu untuk berbakti kepada Allah demi membawa hikmah kepada manusia.

2.1 Visi Keislaman

S. Othman Kelantan (1987 : 74-76) menjelaskan konsep kesusasteraan Islam sebagai satu bentuk kesusasteraan dalam media bahasa yang bertulis dan menggambarkan cita-cita keislaman sebagai visi, menerapkan pengajaran al-Quran, al-Hadis dan sunnah Rasullullah, yang menjalankan kemurnian cita-cita dan pengajaran Islam sebagai hasil interpretasi daripada al-Quran dan al-Hadis. Beliau telah menggariskan lapan ciri kesusasteraan Islam iaitu :-

- i memancarkan ilmu pengetahuan secara akliah, menjelaskan ketinggian budi dan penggunaan akal. Ini bertepatan dengan anjuran al-Quran dan al-Hadis.
- ii memancarkan nur keimanan yang memberansangkan berbuat kebajikan kepada makhluk manusia dan menjelaskan kasih sayang secara umum terhadap semua makhluk.
- iii lebih menekankan keilmuan daripada hanya mempermainkan kata-kata, misalnya dalam mencipta puisi.
- iv menerapkan keindahan alam ke dalam karya bersama-sama gambaran membesarkan kuasa Allah, mensyukuri kejadian dan takdir Allah dan mencintainya, iaitu gambaran keperibadian Muslim.
- v memancarkan kebenaran fitrah atau dhamir yang memperlihatkan al-Din dan nau'al Insan secara yang sebenarnya.

² Sila lihat Shahnnon Ahmad (1991:387-389)

- vi memancarkan sifat tauhid dalam semua aspek kehidupan dengan makna mencari perdamaian, perpaduan, persatuan dan muhibah zati, iaitu berkekalan.
- vii memancarkan sifat mukalaf, iaitu sifat bertanggungjawab atas semua tugas dan membina semangat untuk berbakti terhadap agama, bangsa dan tanahair.
- viii memancarkan sifat dan sikap kesyukuran di samping bertawakal kepada Allah, dalam rupa ikhtiar dan berfikir secara halal yakni bebas dalam lingkungan kemanusiaan.

Visi keislaman merealisasikan budaya Islam yang unggul iaitu kesempurnaan hidup duniawi dan ukhrawi. Kesempurnaan ini merujuk kepada penganutan rukun iman dan Islam dalam mempraktikkan setiap aspek kehidupan.

2.2 Hierarki

Satu ciri kesusasteraan Islam, menurut Baharudin Ahmad³, ialah hierarki atau bertingkat-tingkat. Baharudin Ahmad menegaskan bahawa kesusasteraan Islam mementingkan pergerakan ke atas atau vertikal. Ia merupakan salah satu ciri al-Quran sendiri. Setiap kata-kata yang dihasilkan mempunyai makna yang harus ditafsir dengan sebaiknya berdasarkan yang sebenar, hak atau yang ditanggapi intelek. Fahaman tertinggi merujuk kepada fahaman dalaman manusia sendiri yang mampu difahami manusia itu sendiri.

Manakala makna yang terendah merupakan makna yang dibentuk sendiri yang menggunakan ratio sebagai alat untuk membina struktur yang kelihatan seolah-olah bermakna. Maka rational sahaja tidak mencukupi untuk menghasilkan fahaman yang sebenarnya seperti yang ditekankan oleh sains. Sebenarnya kesusasteraan Islam boleh dicapai melalui tiga unsur iaitu :-

- i Pencapaian spiritual
- ii Objek yang mampu dihasilkan
- iii Pencapaian spiritual pembaca, penikmat dan pengguna

Pencapaian spritual merujuk kepada kemampuan penulis mengilhamkan idea berteraskan hubungan dengan kebesaran penciptanya. Idea ini pula dimanifestasikan dalam bentuk wujud yang boleh merealisasikan idea tersebut. Idea ini pula mampu dinikmati oleh pembaca dengan menyedari kebesaran dan keagungan penciptanya iaitu Allah. Kesedaran ini kemudiannya diaplikasikan untuk kebaikan masyarakat umumnya.

Md Salleh Yaapar⁴ menjelaskan bahawa realiti atau kehidupan itu terdiri daripada dua dimensi iaitu vertikal dan horizontal, dan tidak horizontal (fizikal-material-empirikal) seperti yang terdapat dalam karya-karya yang berpandangan dunia sekular atau moden. Di sini jelas kelihatan pembahagian kehidupan kepada dua bentuk iaitu sekular dan agama dalam konteks berkarya.

³ Sila lihat Haron Daud (1994 : 49)

⁴ Sila lihat Baharudin Ahmad (1992 : 82)

Konsep hierarki dalam sastra Islam menyokong konsep tasawwuf dalam kesusasteraan iaitu keintiman spiritual dalam hubungan manusia dengan penciptanya yang melahirkan ilham suci. Ia kemudiannya diturunkan kepada masyarakat umum untuk dihayati dan dipraktikkan demi mencapai tingkatan spritual yang tinggi dalam pengabdian diri kepada Tuhan. Shafie Abu Bakar⁵ menegaskan bahawa kesusasteraan Islam mencerminkan bahawa sastra bukan bersifat seni *per se*, tetapi seni yang mencerminkan kehalusan adab, yang dengannya dapat mempertinggikan peradaban sesuatu umat. Beliau menyamakan sastra Islam dengan ilmu tasawwuf memandangkan kedua-duanya mempunyai nilai yang sama⁶.

Sastra Islam seharusnya memartabatkan peradaban manusia kerana penghasilan karya itu berilhamkan keberkatan keintiman hubungan manusia dengan Tuhan iaitu menyadari kebenaran kewujudan dan kebesaran Tuhan.

2.3 Habluminallah Habluminanas

Shahnon Ahmad (1991:388-389) menjelaskan bahwa bersastra dalam Islam mesti bertunggakkan Islam, yakni sama seperti beribadah atau berbakti kerana Allah. Beribadah merangkumi aspek yang luas bukan sekadar memenuhi keperluan fardhu ain dan kifayah semata. Punca bersastra sama dengan beribadah iaitu tauhid. Maka bersastra menurut Islam wajib dijalankan kerana Allah tetapi sama seperti beribadah yang pelbagai corak iaitu hikmahnya adalah untuk manusia.

Ungkapan 'kerana Allah' dan 'untuk manusia' jelas sekali sama dengan konsep agama Islam itu sendiri seperti yang dibayangkan dan dijelaskan dalam al-Quran. Manusia bersastra dengan mengikut landasan kerana ingin merealisasikan perintah Allah iaitu membuat kebaikan di dunia dan beribadah sebagai persiapan untuk akhirat. Maka karya yang dihasilkan sememangnya bertujuan merealisasikan kebesaran Tuhan. Sekiranya ia dibaca, pembaca itu akan mendapat hikmahnya kerana dia akan mempelajari sesuatu tentang

⁵ Sila lihat Abdul Ahmad (1994:118-122)

- ⁶ i kedua-duanya datang dari sumber yang sama yang dikenali sebagai “hati” dan “rohani” yang merupakan dimensi dalaman diri. Hasilnya dikenali sebagai pengalaman intuitif bagi sastra dan wujudan(intuisi) bagi tasawuf.
- ii pengalaman – baik yang bersifat alamiah atau rohaniah- memainkan peranan penting dalam menggarapkan jiwa keseniman dan rohani kesufian.
- iii Proses keilhaman – kedua-duanya mengalami situasi ketepuan rasa dan jiwa yang bagi sastra diistilahkan sebagai *mood* dan bagi tasawuf pengalaman yang berdekatan ini – tetapi sudah pastilah jauh tinggi bagi tasawuf – diistilahkan sebagai *hal*.
- iv daripada pengalaman ini kedua-duanya mengalami perloncatan (peningkatan rasa) dari alam realiti kepada alam imaginatif dan rohani. Sebenarnya peningkatan ini mistis berlaku dalam banyak hal termasuk yang bersifat *profane*.
- v kedua-duanya selalu dalam penggambaran jiwa dan mungkin fizikal dalam mencari kebenaran dalaman, meneroka makna dalam alam misteri, mencari keabadian dalam kehidupan dunia yang tidak abadi, menyendiri menikmati nilai kesepian, mendapat keseronokan dalam khidmat dan ibadat, dan reda serba pasrah dalam menghayati keagungan cinta Ilahi bagi ahli sufi, dan puas dalam kenikmatan seni bagi sasterawan.

kebesaran Tuhan. Shahnnon juga menekankan unsur vertikal dan horizontal dalam bersastera. Beliau menganggap makna vertikal sebagai unsur spiritual dan makna horizontal sebagai unsur fizikal.

Sastera Islam sebenarnya bersifat global kerana ia dilengkapi dengan unsur-unsur seperti fardhu ain dan kifayah yang akhirnya direalisasikan dalam bentuk ilmu tassawuf. Kesatuan ini merealisasikan hubungan manusia dengan penciptanya dan tanggungjawab manusia terhadap manusia yang lain serta alam.

2.4 Keindahan dan kebenaran

"Keindahan tidak terpisah daripada kebenaran, demikian juga sebaliknya. Kebenaran tidak terpisah daripada keindahan. Keindahan tanpa kebenaran adalah ilusi dan kebenaran tanpa keindahan memenjara dan statik. Seniman yang sebenar menyedari dan menghidupi kedua-keduanya dan menjadi pancaran al insan al kamil yang merupakan gelaran kepada Nabi Muhammad sendiri." (hal 43 - Baharudin Ahmad)

A. Teeuw (1995) berpendapat bahawa Konsep keindahan atau estetika amat berbeza antara kepercayaan Islam dan kepercayaan sekular atau barat. Sekular menilai keindahan sebagai *freedom of expression*. Mereka menilai keindahan berdasarkan bentuk dan rupa yang direalisasikan oleh keperluan *pleasure* atau nikmat semata. Islam pula menilai keindahan sebagai keperluan memupuk kebenaran hakiki atau hak. Maka imaginasi yang liar seperti yang dimanifestasikan oleh barat ditolak Islam. Setiap sesuatu harus ada peraturan atau sekurang-kurangnya sempadan yang mengawalinya.

Mana Sikana (Dewan Sastera 2001:25) telah mengemukakan teori Taabuddiyah dalam membuat kritikan terhadap karya-karya Islam. Teori ini ditunjangi oleh dua unsur iaitu akidah dan akhlak Islam. Beliau berpendapat bahawa karya Islam yang berkonsepsikan akidah dan moral harus diselaraskan dengan keperluan duniawi secara realistik agar dapat menghasilkan karya yang estetik dan terarah kepada kebaikan. Menurut beliau :-

"Dalam Islam, keindahan dan estetika diambil kira dan menjadi perhitungan utama. Seni sastera dalam Islam mempunyai konsep keindahan yang tersendiri. Nilai keindahannya dapat dijelmakan dalam perpaduan antara nilai kerohanian, keimanan, dan takwa dengan nilai-nilai intelektual, moral dan fizikal."

Islam mementingkan keindahan yang berbekalkan kebenaran. Sesuatu yang dianggap indah dapat dimartabatkan sekiranya ia tidak melencong daripada akidah dan akhlak Islamiah. Sesuatu yang indah tidak semestinya memadam realiti, sebaliknya realiti membenarkan keindahan.

2.5 Sasterawan Islam

Sasterawan Islam merujuk kepada seorang yang berpegang teguh kepada akidah, syarak dan akhlak. Maka sasterwan seumpama ini beriman, bertaqwa dan beramal salih. Mereka juga sentiasa mengatakan kebenaran dan amanah serta menjauhi fitnah dan propaganda. Al Quran⁷ merupakan buku pegangan sasterawan Islam dalam menghasilkan karya mereka. Konsep ini sesuai dengan firman Allah (SWT) dalam surah al-Syu'ara (bermaksud sasterawan atau penyair) yang berbunyi :

“Dan penyair-penyair itu diikuti oleh orang sesat. Tidaklah kamu melihat bahawasanya mereka menyebarkan tiap-tiap lembah dan bahawasanya mereka suka mengatakan apa yang mereka sendiri tidak kerjakan. Kecuali (penyair-penyair) yang beriman dan beramal salih dan banyak menyebut nama Allah dan mendapat kemenangan sesudah derita kezaliman.”

Jelas sekali penulis-penulis karya erotik dan atiestik atau puisi jahiliah dan seumpamanya tidak disukai Allah kerana karya-karya mereka boleh merosakkan iman dan membawa kepada penyelewengan akidah.

Rahmah Ahmad Haji Osman dalam artikel bertajuk “Sastera Islam Arab” (Dewan Sastera 2001:90-97) telah menyentuh pandangan seorang penulis kamus yang bernama Al Zabidi. Beliau dalam kamus, *Taj al 'Arus*, mendefinisikan sastera atau *al Adab* sebagai sesuatu yang diaplikasikan oleh sasterawan untuk membantu memperbaiki manusia. Ia membimbing manusia ke arah sifat-sifat terpuji dan menghindari sifat-sifat keji. Seterusnya penulis buku *Fi Zilal al-Quran*, Sayyid Qutb telah menggunakan pendekatan struktural untuk menjelaskan *tasawwur al Islami* atau pandangan secara Islam dalam penghasilan karya kesusasteraan Islam. Beliau telah memberikan tujuh peranan sasterawan Islam hasil daripada *pertembungan alam manusia dan kehidupan berdasarkan perspektif Al Tasawwur al-Islami*, seperti berikut :-

- i peranan manusia dibataskan kepada khalifah dan hamba Allah. Tidak ada unsur watak superhuman atau separa Tuhan.
- ii penulis bebas menceburi semua bidang penulisan dan disiplin ilmu asalkan tidak melanggar nilai-nilai Islam
- iii penulis mesti menerapkan nilai-nilai Islam dalam penulisannya. Dalam konteks ini penulis harus bersifat komprehensif iaitu lengkap dalam menggabungkan unsur ibadat dengan mu'amalat.

⁷ Ahmad Sonhadji Mohamad (1990 : 188-189) menjelaskan bahawa al-Quran telah menggariskan 4 sifat penyair yang tidak dicela Allah iaitu :

- i penyair itu beriman
- ii mengerjakan amalan yang baik
- iii syair membayangkan tauhid, kenabian dan menyeru manusia kepada kebenaran
- iv tidak mengumpat atau mencaci seseorang yang diumpat dan dicaci. Ini sesuai dengan firman Allah dalam ayat 148 Surah An Nisa.

- iv penulis mesti ada keseimbangan dalam menyetengahkan kedua-dua aspek seperti nilai seni dan amanat atau mesej. Satu unsur yang tidak harus diabaikan demi kepentingan unsur yang lain.
- v penulis harus bersifat positif dan proaktif. Penulis harus memberikan gambaran positif disebalik perkara-perkara yang negatif agar ada keseimbangan.
- vi penulis harus bersifat realistik kerana agama Islam merupakan agama yang realistik. Sesungguhnya manusia tidak pernah disuruh melakukan sesuatu di luar kemampuan mereka.
- vii penulis mesti mendukung keesaan Allah. Tidak harus ada watak-watak atau adegan-adegan yang menyekutukan Allah.

2.5.1 Islam dan Melayu

Bangsa Melayu dan agama Islam tidak dapat dipisahkan lagi. Sinergi kedua-dua unsur ini begitu padat sehinggakan Melayu disinonimkan dengan Islam. Muhammad Ariff Ahmad dan Raman Daud menerusi kertaskerja mereka (1993), menjelaskan bahawa konsep jati diri Melayu diasaskan oleh 3 penanda iaitu agama, bahasa dan beradat Melayu. Konsep adat merujuk kepada konsep "*adat bersendikan syarak, syarak bersendikan kitabullah.*"

Shahnon Ahmad secara berseloroh telah membuat satu perbandingan antara Melayu dan Islam. Menurut beliau :

"Keunikan bangsa Melayu terletak pada roh atau jiwanya kerana bangsa Islamlah yang menjiwai apa yang disebut sebagai bangsa Melayu itu. Hubungan Islam dengan Melayu berpadu dalam satu paduan antara tubuh dan jiwa. Sejarah telah menunjukkan bahawa dalam proses pengembangan dan pembinaan bangsa Melayu ini, Islamlah akhirnya menjiwai bangsa ini." (Shahnon Ahmad 1991:404)

Penjelasan ciri-ciri di atas amat sesuai dengan pandangan Profesor Syed Hussein Al-Attas bahawa seseorang sasterawan Islam yang ingin menghasilkan karya-karya Islam mesti terlebih dahulu menguasai agama Islam itu sendiri.

Jelas sekali Melayu tidak dapat diasingkan daripada Islam apatah lagi karya-karya Melayu yang bersifat Islam. Pastinya penulisnya juga harus Islam. Maka keluhuran seorang penulis itu bersendikan konsep "*dari Tuhan, kerana Tuhan, kepada Tuhan.*" Maka bagaimana hendak kita jelaskan Tuhan mana yang menjadi rujukan penulis bukan Islam apabila beliau menghasilkan karya mengenai Tuhan dalam agama Islam? Dalam konteks yang lebih luas lagi, masyarakat yang manakah sebenarnya diperjuangkan oleh penulis tersebut? Bagaimanakah penulis ini merealisasikan konsep habluminallah dan habluminanas?

Dalam hal ini, Kassim Ahmad⁸ berpendapat bahawa Kesusasteraan Islam sebagai kesusasteraan yang dihasilkan oleh manusia mengikut estetika Islam; iaitu keindahan, kebenaran dan kebaikan, untuk manusia. Beliau tidak mengecualikan penulis berdasarkan agamanya. Sebaliknya menggunakan contoh daripada kisah-kisah dalam al-Quran untuk membuktikan bahawa terdapat orang bukan Islam yang menyumbang kepada perkembangan agama Islam. Namun demikian, konsep ilham daripada malaikat dan bisikan syaitan pastinya menekankan aspek peri pentingnya penulis muslim dalam menghasilkan sastera Islam. Ibnul Qayyim dalam buku 'Roh' (1990 : 519) terjemahan Syed Ahmad Semait telah menjelaskan konsep ilham yang suci yang dibawa oleh Malaikat daripada Allah. Antaranya adalah seperti berikut dan sebaliknya pula adalah bisikan syaitan :-

- i segala yang dibuat kerana Allah, yang sesuai dengan keredhaanNya, dan yang dibawakan oleh rasulNya.
- ii apa yang dikerjakan untuk ditunjukkan kepada Allah, atau kembali kepadaNya, menyebutnya, dan sesuatu hemat yang berkaitan denganNya.
- iii apa yang menimbulkan kesenangan dan cahaya di dalam hati serta kelapangan di dalam dada
- iv apa yang menimbulkan ketenteraman dan ketenangan di dalam hati.

2.6 Karya Islam

Karya Islam mengandungi unsur-unsur tauhid yang meningkatkan keimanan, ketaqwaan dan amal salih. Karya ini menggalakkan manusia melakukan kebajikan dan menjadikan unsur halal sebagai pegangan dan mengengapikan unsur haram iaitu perkara-perkara yang tidak halal. Karya Islam sentiasa membawa peringatan sama ada akan kebesaran Tuhan dan keunikan ciptaannya atau menunjukkan kelemahan insan dalam melayari kehidupan di alam fanah ini. Maka karya seumpama ini sama sekali menolak persoalan-persoalan yang meningkatkan syahwat seperti unsur kelucahan dan fitnah serta propaganda.

Isi karya Islam mendapat strukturnya daripada al Quran yang memberikan pengajaran sama ada secara jelas seperti halnya bagi perkara halal dan haram ataupun melalui kisah-kisah teladan mahupun secara perbandingan dan misalan. Samsina Haji Abd Rahman dalam majalah Dewan Sastera (2001:14-15) telah membincangkan pendekatan Safie Abu Bakar menggunakan teori 'takmilah' dalam membuat kritikan teks. Menurut Safie, istilah 'takmilah' ada kaitan dengan sifat kamal Allah yang bererti sempurna. Maka sebuah teks atau karya yang dihasilkan dengan menggunakan teori ini dianggap sempurna apabila mematuhi prinsip-prinsip berikut :-

- i berada dalam ruang lingkup tauhid
- ii teks tidak terpisah daripada nilai yang berasaskan keislaman
- iii antara pengarang dengan teks mempunyai pertalian dalam kaitannya dengan nilai keislaman

⁸ Sila rujuk Zahrah Ibrahim (1987 : 40-41)

- iv tidak dikaitkan dengan ideologi tertentu yang bertentangan dengan islam, misalnya ideologi Marxisme
- v adanya unsur-unsur yang menganjur secara tersirat ke arah kebaikan seperti pendidikan, dakwah, takwa, keluhuran, kemurnian hidup, kecintaan kepada Ilahi, dan pembelaan terhadap yang tertindas.

2.7 Rumusan Konsep

Perbincangan konsep kesusasteraan Islam di atas menghasilkan beberapa ciri yang jelas bagi sastera Islam seperti berikut :-

- i menggambarkan cita-cita keislaman
- ii mempertinggikan peradaban sesuatu umat
- iii dijalankan kerana Allah dan hikmahnya adalah untuk manusia
- iv keindahan sebagai keperluan memupuk kebenaran hakiki atau hak
- v sentiasa mengatakan kebenaran dan amanah serta menjauhi fitnah dan propaganda.
- vi mengandungi unsur-unsur tauhid yang meningkatkan keimanan, ketaqwaan dan amal salih.

Ciri-ciri di atas menjurus kepada satu gagasan mutlak mengenai kesusasteraan Islam iaitu kebaikan dan kecemerlangan umat. Semua konsep tersebut memberikan gambaran usaha mencapai kebaikan dan kecemerlangan diri penulis dan pembaca melalui kaedah Islamiah. Maka dapat disimpulkan bahawa dasar kesusasteraan Islam ialah ibadat⁹.

2.7.1 Ibadat Tunjang Sastera Islam

Ibadat yang merangkumi fardhu ain dan kifayah merupakan permulaan bagi peningkatan diri manusia untuk mendekati diri dengan Tuhannya melalui pelaksanaan segala ibadah tersebut. Akidah atau keyakinan yang kukuh dalam ibadah akan membentuk rohani manusia dengan sifat-sifat ketuhanan dan adab-adab syari'at atau Tassawuf (Zakaria Stapa 1996:144). Maka kesusasteraan Islam boleh dibahagikan kepada sastera Islam dan sastera bersumberkan Islam.

Sastera Islam merujuk kepada semua bahan kesusasteraan yang dihasilkan oleh penulis beragama Islam dalam menyedarkan masyarakat pembaca tentang kebesaran Tuhan dan

⁹ Ibadat (Mustafa Haji Daud 1995:7) merupakan sebarang tindakan yang melambangkan perasaan merendahkan diri, patuh dan menyembah Allah dengan penuh keimanan, ketakwaan dan keikhlasan sama ada ibadat khusus iaitu rukun iman dan rukun Islam dan seumpamanya atau ibadat umum iaitu dari segi ekonomi, politik, sosial, pendidikan dan seumpamanya. Konsep ibadah terbahagi kepada dua kategori utama iaitu fardhu ain dan kifayah. Fardhu ai'n merujuk kepada fardhu bagi orang persaoangan iaitu yang wajib bagi tiap-tiap orang Islam seperti rukun Islam, doa, zikir, jihad dan seumpamanya. Ia merupakan ibadat khusus antara manusia dengan Tuhannya. Fardhu kifayah pula merupakan fardhu bersama iaitu yang wajib bagi orang banyak, misalnya mengkebumikan mayat. Ia melibatkan bidang-bidang ekonomi, sosial, politik, pentadbiran dan seumpamanya. Ia merupakan ibadat umum antara manusia dengan manusia yang lain.

muhasabah diri (tassawuf) ataupun menyedarkan manusia tentang tanggungjawab mereka sebagai khalifah di bumi dan hamba Allah dalam merealisasikan fitrah kewujudan mereka di bumi Allah.

Sastera bersumberkan Islam pula merujuk kepada sebarang jenis kesusasteraan yang ditulis untuk menjelaskan konsep agama Islam itu sendiri misalnya hukum, rukun dan sejarah ataupun mengaplikasikan ilmu Islam dalam penulisan. Penulis tidak semestinya beragama Islam tetapi harus mempunyai ilmu tentang agama Islam. Karya yang dihasilkan lebih merujuk kepada pembaca yang ingin mengetahui gagasan ajaran Islam atau perkembangannya.

Jelas sekali dalam kedua-dua takrif kesusasteraan Islam ini, kita dapati bahawa 'sastera Islam' berteraskan ibadat kerana ciri jatidiri Muslim penulis dan motif penulisannya. Namun demikian, 'sastera bersumberkan Islam' boleh diklasifikasikan sebagai sastera Islam sekiranya ia ditulis oleh seorang Muslim dengan motif ibadat.

Kita dapat simpulkan bahawa konsep 'sastera untuk masyarakat' dan 'sastera untuk seni' lebih bersifat sastera bersumberkan Islam kerana ia membela nasib masyarakat dengan membuka segala kepincangan dan kelemahan mereka serta kezaliman kumpulan-kumpulan yang berkuasa atau berada ke atas kumpulan atau individu miskin mahupun lemah. Pendekatan ini menggunakan hukum dan rukun dalam Islam untuk memperbaiki kehidupan masyarakat.

Berdasarkan konsep ini, genre kesusasteraan yang dihasilkan merupakan manifestasi 3 jenis makna seperti berikut :

- i Makna Vertikal – merujuk kepada karya-karya yang bersifat merealisasikan kebesaran Tuhan melalui doa dan muhasabah diri penulis. Karya seumpama ini bersifat abstrak dan generik kerana ia boleh menghasilkan tafsiran yang berbeza-beza berdasarkan fahaman pembaca. Maka penulis dan pembaca harus menyelusuri dunia spiritual masing-masing untuk mencari jawapan yang sebenar bagi sesuatu persoalan. Di sinilah terletaknya peranan agama kerana penulis dan pembaca yang mengesakan Tuhan yang berlainan akan menghasilkan tafsiran menjurus kepada ketauhidan Tuhan mereka sendiri.
- ii Makna Horizontal – merujuk kepada karya-karya yang cenderung kepada realiti fizikal atau alam nyata. Ia boleh dialami oleh penulis mahupun pembaca tanpa memerlukan penilaian fahaman. Ia lebih konkrit dan membawa mesej yang jelas. Karya seumpama ini bersifat pergolakan hidup manusia di alam fanah ini yang menunjukkan kebesaran Tuhan secara eksplisit. Makna bagi karya seumpama ini tidak memerlukan tafsiran berdasarkan fahaman dalaman kerana strukturnya jelas.
- iii Makna tidak Horizontal – merujuk kepada karya-karya yang sekular dan moden. Ia tidak menekankan unsur agama kerana lebih mementingkan peleraian sesuatu persoalan secara rational iaitu saintifik dan sistematik. Ia lebih bersifat sebab-akibat. Karya-karya seumpama ini tidak akan ada unsur-unsur kebesaran

Tuhan tetapi lebih mementingkan kemampuan manusia dalam meleraikan sesuatu persoalan.

Definisi-definisi di atas membuka ruang kepada pentafsiran karya-karya sastera Islam dan bersumberkan Islam berdasarkan makna vertikal dan horizontal.

2.7.1.1 Tassawur mistik dan realiti

Kesusasteraan Islam sebenarnya boleh dinilai berdasarkan konsep mistik dan realiti. Konsep ini lebih mudah memperlihatkan perbezaan antara unsur vertikal dan horizontal. Sastera Islam sebenarnya lebih bersifat mistik yang direalisasikan dalam bentuk realiti. Mistik¹⁰ ialah sesuatu yang berkaitan atau melibatkan kewujudan Tuhan yang sebenarnya yang hanya dapat dinikmati oleh mereka yang hatinya telah terbuka untuk mendapatkan hidayat-Nya. Manakala realiti pula lebih bersifat kewujudan yang nyata dan dapat dilihat. Ia dapat difahami berdasarkan fahaman literal tanpa memerlukan tafsiran dalaman. Maka dapat disimpulkan bahawa makna vertikal dan horizontal itu sebenarnya berintikan konsep mistik dan realiti. Secara umum terdapat semacam tautan iaitu konsep iaitu 'vertikal-spiritual-mistik' dan 'horizontal-fizikal-realiti'.

Konsep ini menjauhkan lagi jurang antara sastera Islam dan sastera bersumberkan Islam. Jelas sekali sastera Islam memerlukan unsur mistik itu manakala sastera bersumberkan Islam tidak memerlukannya kerana ia lebih bersifat aplikasi dalam bentuk yang boleh difahami pembaca secara langsung. Maka dasar bagi makna vertikal dan horizontal bagi tujuan kritikan dan penilaian perkembangan karya-karya Islam Singapura ialah konsep mistik dan realiti.

3.0 Perkembangan Cerpen-Cerpen Singapura Sepanjang Tahun 1999 dan 2000

Rakyat Singapura khususnya masyarakat Melayu / Islam telah mengalami satu zaman yang mencabar sepanjang tahun 1999 dan 2000. Banyak perkembangan menarik di dalam dan di luar negara yang menggerakkan minda dan akidah masyarakat seperti berikut :

- i Kemelesetan ekonomi
- ii Gagasan ilmu berteraskan maklumat (KBE)
- iii Gagasan Singapura 21
- iv Isu kepimpinan kolektif
- v Isu pendidikan wajib yang menjejaskan madrasah
- vi Penularan penyakit 'tangan-kaki-mulut' yang mengorbankan ramai kanak-kanak.
- vii Perkahwinan sivil
- x Masalah hubungan dengan Malaysia dalam isu air, stesen keretapi tanah Melayu di Singapura dan masalah mengeluarkan pulangan daripada pelaburan CLOB oleh

¹⁰ Mystical – relating to or involving truths about nature of God and reality revealed only by those people with a spiritually enlightened mind, esoteric. (Times Chambers Combined Dictionary 1996 : 823)

rakyat Singapura di Malaysia yang terjejas kerana dasar pengawalan matawang ringgit oleh negara Malaysia.

3.1 Cabaran Ekonomi¹¹

Kemelesetan ekonomi pada tahun 1997 disebabkan oleh krisis kewangan di Asia. Krisis ini merupakan manifestasi kelemahan pentadbiran koprat dan pemantauan perbankan beberapa buah negara di Asia. Percikan masalah ini turut menjejaskan kawasan lain di daerah ini termasuk Singapura. Maka pemerintah Singapura terpaksa mengatur beberapa langkah penjimatan kos untuk mengurangkan kos perniagaan pada bulan November 1998. Natijahnya ekonomi Singapura berjaya berkembang semula dengan kenaikan sebanyak 9.9% pada tahun 2000 setelah perkembangan yang memberangsangkan pada tahun 1999. Namun demikian, perkembangan ekonomi Singapura terkandas apabila negara Amerika mengalami kemelesetan ekonomi pada pertengahan tahun 2000. Singapura terjejas kerana Amerika merupakan rakan perdagangan utama Singapura. Perniagaan Singapura terjejas apabila kurangnya barangan yang dapat diekspot ke Amerika akibat kurangnya permintaan kesan kemelesetan.

Sehubungan dengan masalah ini masyarakat Melayu yang paling banyak terjejas. Sejumlah 40 % daripada pekerja yang dihentikan kerja merupakan orang-orang Melayu. Perkara ini berlaku kerana kurang kemahiran atau kelayakan akademik yang rendah. Pemerintah telah mengumumkan gagasan KBE atau ilmu berteraskan ekonomi agar masyarakat Melayu juga bersaing dan meningkatkan diri dalam arena perniagaan. Badan-badan Melayu/Islam seperti Mendaki dan AMP (Angkatan Karyawan Islam Singapura) telah menganjurkan kursus-kursus peningkatan diri bagi masyarakat Melayu terutama sekali dalam pembelajaran teknologi maklumat. Masjid-masjid juga tidak ketinggalan mengadakan kursus-kursus peningkatan diri.

Masalah yang timbul daripada kegenjutan ekonomi ini telah direalisasikan dalam cerpen 'Gawat' karya Ahmad Awang (1999). Penulis telah menggunakan masalah kewangan untuk menyampaikan pengajaran kepada manusia bahawa beribadah itu ada berkatnya apabila seseorang itu hampir lupa diri kerana masalah kewangan. Berkat solatnya dia akhirnya berhenti daripada percubaan membunuh anaknya.

Sajak 'Bersendiri' karya Noorhayati cuba meredakan bahang kegawatan dengan mengingatkan pembaca bahawa harta dunia tidak sepenting harta akhirat. Penulis mengharapkan pembaca dapat menyedari hakikat bahawa dunia ini fana. Kekosongan di akhirat lebih parah daripada kekosongan di dunia. Sememangnya tugas penyair memberi hikmah kepada pembaca. Bait berikut menyampaikan maksud penulis :

*Air penglihatan penyejuk bahang
Sinaran mentari umpama Nur Islam*

¹¹ Sila lihat lampiran 1 & 2 bagi senarai lengkap karya.

*Namun...
Meraung kepapaan
Kerana...
Di bandar dunia hartawan
Tapi ...
Di kampung akhirat kekosongan*

3.1.1 Aset Masyarakat Melayu Singapura

Masyarakat Melayu Singapura telah mencapai peningkatan yang memberansangkan dalam standard kehidupan. Kita tidak perlu melihat kepada angka-angka statistik yang mengelirukan untuk menilai perkembangan ini. Lihat saja pembangunan sekeliling. Jelas sekali orang-orang Melayu telah meraih kenikmatan hidup yang lebih positif dan mewah. Kini orang-orang Melayu mempunyai rumah sendiri. Jumlah orang Melayu yang menyewa rumah-rumah HDB¹² semakin berkurangan. Dasar pemerintah yang menggalakkan pemilikan flat oleh rakyat telah memanfaatkan masyarakat Melayu. Kini masyarakat Melayu mempunyai aset sebanyak ratusan ribu daripada rumah yang mereka diami. Masyarakat Melayu kini secara purata memiliki rumah flat jenis 4 bilik. Rumah ini pula mempunyai nilai purata pasaran sebanyak \$250,000. Pemilik rumah jenis 5 bilik juga semakin bertambah. Perkembangan menarik terdapat dikalangan pasangan muda yang flat pertama mereka merupakan flat jenis Eksekutif yang mempunyai nilai pasaran purata sebanyak \$450,000. Perkembangan ini membuktikan bahawa taraf kemewahan masyarakat Melayu Singapura bertambah baik.

Hartanah merupakan aset hari tua bagi rakyat Singapura. Malangnya ada yang termakan oleh pujuk rayu anak dan menantu agar menjualnya dan tinggal bersama mereka. Kisah ini jelas dibayangkan dalam cerpen 'Parasit' oleh Md Pitchay Gani (2000). Penulis cuba mengingatkan masyarakat tua supaya berwaspada apabila mempunyai aset. Penulis juga cuba mengingatkan anak-anak agar jangan mempergunakan orang tua untuk kesenangan sendiri.

Aspek penganiayaan dalam mengejar kemewahan duniawi juga digambarkan dalam sajak 'Pergolakan' karya Sutera Putih (1999). Penyajak menjelaskan bahawa manusia yang jujur sering menjadi mangsa mereka yang tamak dan haloba. Maka sebagai insan kita seharusnya berhati-hati kerana hanya Allah sahaja yang boleh dipercayai memandangkan manusia ini tidak cecal hatinya. Bait berikut menjelaskan :

*Kita juga lihat
Si jujur diinjak-injak
Dalam lakonan yang gemalai
Segala titisan peluh si ihklas
Menjadi penghilang dahaga
Bagi si pemburu yang tidak pernah puas*

¹² HDB atau Housing and Development Board merujuk kepada skim perumahan bersubsidi pemerintah untuk rakyat yang tidak mampu membeli rumah swasta atau privet.

Berkat aset ini, masyarakat Melayu telah meraih pendapatan lumayan melalui penjualan rumah mereka sehingga berkemampuan membeli kereta¹³ sendiri dan melabur wang mereka. Ada juga yang memulakan perniagaan sebagai satu aspek peningkatan diri. Tidak kurang juga ibubapa yang mampu menghantar anak-anak mereka mendalami ilmu dan kemahiran ke luar negara dengan wang tersebut. Hasilnya lebih ramai anak-anak Melayu yang cemerlang dan berkelulusan tinggi sehingga ke peringkat universiti.

Berkat peningkatan dalam hidup ini juga telah menyebabkan manusia lupa diri sehingga sanggup melakukan apa sahaja untuk memuaskan nafsu kemewahan. Cerpen 'Terpadamnya satu titik kebenaran' karya Peter Augustine Goh (1999) menggambarkan betapa manusia takut berpisah daripada kesenangan dunia ini sanggup menipu Tuhan. Cerpen 'Suatu ketika' pula karya Rohman Munasip (1999) menunjukkan kesan kehidupan duniawi yang membawa kepada masalah stres. Penulis mendapatkan jawapan ketenangan dengan bertaubat dan beribadah.

Karya-karya yang dihasilkan bagi menghadapi cabaran ekonomi di Singapura bersifat horizontal memandangkan ia melibatkan hubungan sesama manusia dan mesej-mesej yang berhubungan dengan syariat Islam. Ia juga lebih menerapkan aspek tanggungjawab individu dan masyarakat serta kelebihan ibadat dalam saat-saat yang genting terutama sekali ketika amarah mengatasi akal. Karya seumpama ini dihasilkan dengan makna yang jelas dan telus agar mudah ditanggapi pembaca. Ia juga biasanya bersifat sindiran ataupun amaran tentang kelalaian manusia ke atas pentadbiran diri dan keluarga. Namun demikian karya bersifat vertikal juga dihasilkan sebagai muhasabah diri manusia agar sentiasa bersyukur akan nikmat yang ada. Ini lebih ditujukan kepada masalah yang tidak dapat dileraikan oleh ilmu manusia yang cetek ini.

3.2 Cabaran Nilai¹⁴

Nilai merupakan asas kepada citra Melayu yang murni. Namun, letusan konsep dunia tanpa sempadan atau globalisasi telah merubah nilai murni ini kepada satu bentuk baru melalui proses asimilasi nilai barat. Sejak 1996 Singapura terus-menerus mendapat tempat pertama sebagai negara yang terbaik dalam persaingan global (*global competitiveness*). Keadaan ini membuktikan bahwa proses asimilasi ini semakin matang pada zaman ini. Kini masyarakat boleh mengakses segala bentuk maklumat secara langsung dan tidak

¹³ Sijil hak milik kenderaan, COE (*certificate of entitlement*), merupakan satu cara pemerintah Singapura cuba mengawal jumlah kenderaan di Singapura. Setiap pembeli kereta baru dikehendaki mendapatkan sijil ini dahulu sebelum memesan kenderaan. Nilai sijil ini berubah-ubah setiap bulan berdasarkan taruhan (*bidding*) pembeli. Biasanya nilai purata COE bagi sebuah kereta dibawah 1600 cc ialah \$ 25000. Kesannya sebuah kereta baru boleh berharga antara \$60,000 hingga \$150,00 bagi kereta jenis 1600 cc ke bawah. Malangnya COE ini harus diperbaharui apabila kereta itu berusia 10 tahun. Maka pemilik kereta tersebut perlu mendapatkan COE yang baru berdasarkan nilai pasaran COE pada masa itu. Selain itu, pemilik kenderaan itu perlu membeli insurans kenderaan (lebih kurang \$800 setahun) dan membayar cukai jalanraya (lebih kurang \$1000) Maka kita dapati bahawa untuk memiliki sebuah kereta amat lumayan perbelanjaannya dan memerlukan pendapatan yang tertentu.

¹⁴ Sila lihat lampiran 1 & 2 bagi senarai lengkap karya

terkawal secara global termasuk leلمان-leلمان lucu, propaganda dan budaya kuning. Pengaruh negatif internet telah membawa perubahan pemikiran dan kepribadian masyarakat Melayu, malangnya kepada yang negatif. Perkahwinan sivil¹⁵ antara pasangan Islam dengan bukan Islam ataupun antara pasangan Islam dengan Islam juga menunjukkan tren yang meningkat kesan kelemahan akidah dan keterobosan ideologi akibat globalisasi. Penggunaan IRC (Internet Relay Chat) di internet menyebabkan berlakunya kecurangan dikalangan suami dan isteri serta pencabulan. Ramai anak-anak muda yang menjadi mangsa.

Sebanyak 13 buah cerpen telah dihasilkan berteraskan cabaran ini. Ia membuktikan bahawa nilai masyarakat Melayu ketika ini sedang dalam dilema dan memerlukan penanganan segera. Cerpen 'The Pest' karya Muhd salihin Sulaiman (1999) menunjukkan balasan Tuhan terhadap perlakuan diluar tabii. Hubungan jenis oleh jenis yang sama membawa kepada penyakit melarat yang belum ada ubatnya lagi. Cerpen 'Sam' karya Ridhwan Anwar (2000) membuktikan bahawa manusia ini lemah apabila berdepan dengan kekufuran. Penulis cuba mengingatkan pembaca bahawa akidah yang kukuh merupakan tembok melawan hawa nafsu.

Sajak 'Dalam Genggamanya' karya Mariam Papok (1999) memberikan satu gambaran kesan terhakisnya nilai-nilai bangsa dan agama. Penyajak cuba menyedarkan pembaca tentang kesan membiarkan diri mereka menjadi hamba kepada material dan nafsu semata. Bait berikut menggambarannya :

*Ketika terkumpullah Kaum
Tidak tentu suka bakanya
Di situ si bebal, si bodoh, sijahat
Menjadi sebahagia-bahagia manusia
Di situ terjalin hubungan jenis seperti haiwan !*

Sajak 'Melayu Busuk' karya Fatimah Abdullah (2000) dengan lantang membuka segala pekung masyarakat Melayu Singapura agar satu kesedaran akan timbul demi menilai kembali perlakuan mereka selama ini, seperti dalam bait berikut :

*Ah...remajaku.
Cinta itu buta...tapi kau lagi buta
Tubuh badanmu yang kau peraga...kau dedah...
Kau biarkan sesiapa menjamahnya
Kau menjadi makanan si nafsu buas
Kau terlanjur, tetapi adakah kau malu ?*

Karya-karya yang menyentuh cabaran nilai masyarakat Melayu / Islam merupakan yag terbanyak sekali dalam sastera Islam Singapura. Sebanyak 32 buah karya iaitu 13 buah

¹⁵ Merujuk kepada cara perkahwinan tidak melalui mahkamah Syariah. Ia dilakukan tidak mengikut prosedur Islam kerana ia disediakan untuk orang yang bukan Islam. Perkahwinan seumpama ini dianggap tidak sah di sisi agama Islam.

cerpen dan 19 kuntum sajak telah diterbitkan. Jumlah ini membuktikan bahawa para penulis dewasa ini amat prihatin tentang perubahan budaya dan cengkaman ideologi barat yang sedang menghantui masyarakat Melayu Singapura. Penulis bertanggungjawab meleraikan kekeliruan yang melanda para remaja kita, khususnya mengenai akidah sebenar. Karya yang dihasilkan biasanya bersifat horizontal kerana ia lebih mudah diterima oleh khalayak pembaca yang lebih ramai dan mudah direalisasikan oleh penulis. Karya seumpama ini sememangnya penting dibuahkan dalam bentuk yang mudah difahami maksudnya dengan sekali lalu sahaja. Audiens bagi karya ini merentasi semua peringkat usia dan latarbelakang. Nilai merupakan sesuatu yang abstrak. Maka karya bersifat vertikal yang dihasilkan lebih ditumpukan kepada pembaca yang inginkan penjelasan mistik mengenai sesuatu tindakan yang menjejaskan nilai.

3.3 Cabaran Bangsa¹⁶

Madrasah merupakan satu-satunya warisan citra masyarakat Melayu/Islam Singapura memandangkan sekolah-sekolah aliran Melayu telah lenyap di bumi Singapura. Kita juga maklum bahawa pendidikan percuma bagi pelajar berbangsa Melayu di institusi-institusi pengajian tinggi juga telah lenyap. Kini golongan tertentu sahaja yang boleh memohon bantuan Mendaki bagi tujuan tersebut. Apa yang tinggal sebagai lambang kebanggaan dan harapan masyarakat Melayu/Islam dewasa ini ialah madrasah. Ini merupakan sebab utama lahirnya banyak syak wasangka dan kegusaran masyarakat setempat apabila pemerintah cuba mengusulkan pendidikan wajib (CE) yang dianggap sebagai mekanisme penghapusan madrasah yang sekaligus merupakan "kubu" terakhir bagi masyarakat Melayu/Islam dalam agenda dakwah mereka.

Usulan CE oleh pemerintah lahir kerana keprihatinan pemerintah terhadap bertambahnya jumlah anak-anak Melayu mendaftarkan diri untuk darjah satu di Madrasah dan kurang yang ke sekolah sekular. Encik Goh Chok Tong merasa bimbang akan masa depan pekerjaan mereka memandangkan Singapura sebuah negara yang mengamalkan meritokrasi. Akhirnya CE diluluskan pada bulan Oktober 2000 dengan madrasah dikecualikan. Namun, madrasah sepenuh masa hanya dibenarkan mempunyai 400 orang murid setahun.

Isu madrasah ini meningkatkan semangat perjuangan masyarakat dalam mempertahankan satu-satunya institusi keagamaan mereka. Namun demikian, perjuangan ini direalisasikan dalam bentuk yang halus. Cerpen 'Madrasah' karya DjoharBuang (1999), cuba mententeramkan para azatizah dengan mengingatkan mereka tentang keberkatan tugas mulia di madrasah akan membawa berkat. Beliau menggalakkan mereka supaya jangan kecewa dengan tugas mereka walaupun kedudukan madrasah dalam cabaran kepupusan.

Manakala sajak 'Mana dan Bila Kita' karya Md Fatris Bakaram (2000) dengan lantang mahukan perjuangan membela Madrasah diteruskan tanpa henti

¹⁶ Sila lihat lampiran 1 & 2 bagi senarai lengkap karya

sehingga tercapainya satu kepuasan walaupun tanpa dijanjikan kemenangan. Pokoknya kita telah menunjukkan pendirian kita yang sebenar dalam isu ini. Bait berikut memberikan satu ilustrasi yang jelas :

*Di dalam mahupun di luar hati
Panggilah kita semua hai panglima
Bila peperangan selesai reda tanpa kemenangan
Bendera itu akan kami tebarkan
Memuncak tiangnya
Biarpun kerapuhan pasti dicuit impian
Hanya semata-mata pedang mereka
Bermata dua
Maka terenjot-enjotlah ombak nak menghakis tebing
Disaksikan tangisan anak terumbang ambing
Menggapai kasih yang sumbing*

Satu lagi perkembangan menarik ialah isu kepimpinan kolektif yang diusulkan oleh Angkatan Karyawan Islam (AMP) dalam satu konvensyen pada bulan November. Saranan ini menjelaskan keinginan masyarakat Melayu memilih ketuanya sendiri memandangkan anggota-anggota parlimen (AP) yang ada tidak begitu berkesan dalam mewakili masyarakat Melayu/Islam di parlimen. Saranan tersebut dibidas keras oleh pemerintah dan AP-AP Melayu lain kerana menganggapnya boleh menyisihkan masyarakat Melayu, bersifat perkauman dan mencabar peranan politik AP Melayu. AMP akhirnya akur dengan keputusan pemerintah iaitu tidak membenarkan usul kepimpinan kolektif.

Kenyataan Menteri Kanan, Encik Lee Kuan Yew juga telah menyumbang kepada suasana syak wasangka dan kekeliruan. Beliau telah secara terang menyatakan bahawa Singapura tidak akan membenarkan pegawai Melayu berpangkat tinggi di dalam tentera Singapura demi menjaga keselamatan negara memandangkan Singapura dikelilingi oleh Nusantara. Kenyataan ini amat terang dan jelas tentang tanggapan pemerintah terhadap masyarakat Melayu di Singapura. Namun, paradoksnya berlaku apabila Perdana Menteri Singapura, Encik Goh Chok Tong melancarkan gagasan 'Singapura 21' berlandaskan 5 prinsip. Antaranya berbunyi; setiap warga Singapura penting, peluang untuk semua dan semangat Singapura.

Keadaan seumpama ini menjadikan masyarakat Singapura bingung dan hilang arah tuju. Masyarakat Melayu tidak pasti apakah sebenarnya erti kewujudan mereka di bumi Singa ini.

Kedua-dua isu di atas menyebabkan lahirnya cerpen 'merpati-merpati masjid' karya Suratman Markasan (1999) yang begitu simbolik sekali. Penulis cuba menonjolkan sikap masyarakat yang masih tidak sedar akan kelemahan sendiri apabila berdepan dengan masalah politik sedemikian kerana mereka gagal bersatu dan gagal memilih pemimpin yang jujur yakni tidak mementingkan diri sendiri. Dalam cerpen 'Ayat-Ayat yang Melayang'(2000), Suratman Markasan cuba sekali lagi mengingatkan masyarakat Melayu bahawa banyak bukti,

petunjuk dan pengalaman telah terbuka di depan kita. Namun, orang Melayu hanya melihat dan membiarkan tanpa mengambil kesempatan untuk mendapatkan semula hak dan peluang dalam kota Singa ini, yang suatu masa dahulu menjadi tempat anak Melayu memegang tampuk kepimpinan.

Sajak 'Umatku' karya Md Salleh Mahmud (1999) dengan jelas menunjukkan kelemahan masyarakat Melayu yang tidak bersatu dalam perpaduan menegakkan hak mereka. Beliau cuba menyedarkan mereka akan peri perlunya bersatu demi bangsa dan agama. Bait berikutnya menjelaskan :

*Umatku di masa-masa akan datang
Mereka ramai tapi...
Mereka berpecah-belah
Berpuak-puak
Mereka tidak ada kekuatan dan
Mereka tidak ada pendirian
Sekali pun haknya dicerobohi
Sekalipun kehormatannya dicabuli
Mereka tidak berdaya...!!
Mempertahankannya lagi
Kerana...
Mereka lemah dan terhina*

Karya-karya mengenai cabaran bangsa amat menarik sekali. Dalam kategori ini, terdapat sebanyak 14 buah karya yang dihasilkan. Karyanya bersifat horizontal memandangkan ia amat serius dan perlukan perhatian segera masyarakat untuk tindakan tertentu. Biasanya penulis amat sensitif tentang isu yang menjejaskan bangsa. Maka ada juga yang menghasilkan karya-karya bersifat vertikal agar perjuangan bangsa dapat dilakukan di tahap yang lebih suci dan bermakna. Cara ini juga dapat memelihara keselamatan penulis. Mereka yang dapat memahami mesej tersebut dapat meneruskan perjuangan setelah memahami kandungan karya tersebut.

3.5 Kembali kepada Khaliq¹⁷

Cabaran-cabaran yang dihadapi merupakan satu anjakan paradigma dalam budaya masyarakat Melayu setempat. Globalisasi telah memecah semua tembok nilai. Polisi pemerintah dan keterobosan mereka dalam kenyataan mereka terhadap kesetiaan masyarakat Melayu menjadikan masyarakat hilang arah tujuan. Lahirlah konflik dalam kepimpinan dan perpaduan kaum. Ketika ini juga berlaku penularan penyakit 'mulut-tangan-kaki' yang menjejaskan kanak-kanak. Ramai yang terkorban kerana ia menyerang tanpa amaran. Ubatnya pula payah dihasilkan. Keadaan seumpama ini memerlukan panduan yang mutlak iaitu ilham dari Allah agar dapat membawa masyarakat bersama menguatkan akidah dan tawakal yang didukung usaha gigih dan disiplin. Dalam

¹⁷ Sila lihat lampiran 3 bagi senarai lengkap karya

keharuan ini, maka penulis terutama sekali para penyajak telah menghasilkan sebanyak 19 kuntum sajak yang bersifat doa dan muhasabah diri atau vertikal.

Sajak Hijrah (1999) ciptaan Asmin merealisasikan konsep kelemahan manusia yang sering berdoa memohon bantuan serta petunjuk Allah. Manusia begitu daif dalam sesuatu masalah sehinggakan memohon mukjizat untuk membantu mereka. Sajak ini juga menunjukkan bahawa manusia itu tetap sedar akan kebesaran Allah.

*Berikan kami setitik mukjizat-Mu ahai Habibullah
Berikan kami secebis kekuatan-Mu ahai Rasulullah
Berikan kami secercah keyakinan-Mu ahai Karamullah
Agar kami terus berjuang
Menegap syiarmu
Menyelongkar rimba ilmu
Memerangi kedunguan
Dan kami akur-
Fakir mendekati kami kepada kufur
Fakir mendekati kufur
Fakir itu kufur*

Sajak Djohar Buang bertajuk 'Selembat Jumaat Dan Merangkaklah Hamba Ini Seekor Serangga' (2000) menunjukkan bahawasanya manusia Mukmin yang sebenar ini sememangnya tersangat kasih kepada Illahi dan sangat merindui-Nya sehinggakan menunjukkan kekerdilannya apabila bersujud kepada-Nya.

*Dekatkanlah sejadah panjang-Mu untuk hamba yang lemah ini,
Hamba akan datang jua kepada-Mu,
Hamba akan tepuk-tepukkan hangat cinta di kalbu,
Dengan seruan tepukan talbiah dan selawat, meskipun hamba
Sekadar sekecil-kecilnya serangga yang kau ciptakan*

4.0 Rumusan Karya

Sepanjang tahun 1999 dan 2000, sebanyak 301 karya iaitu 93 buah cerpen dan 208 kuntum sajak telah diterbitkan. Karya-karya bersumberkan Islam mewakili 25 % daripada jumlah karya yang dihasilkan iaitu 76 buah karya yang terdiri daripada 22 buah cerpen dan 54 kuntum sajak.

Perkembangan ekonomi, politik dan sosial di Singapura telah menyumbang kepada jenis karya yang dihasilkan. Jika kita tinjau, kita dapati bahawa sastera bersifat tidak horizontal lebih cenderung dihasilkan memandangkan peratusan yang tinggi iaitu 75 % daripada jumlah karya yang telah diterbitkan. Keadaan ini tidak menghairankan memandangkan Singapura ialah sebuah bandar kosmopolitan yang modern dan terbuka. Maka pengaruh

kemodenan dan sekularisme amat mencengkam segenap masyarakat. Perkara ini menggalakkan terhasilnya karya-karya yang bersifat tidak horizontal iaitu tiada unsur agama. Namun, keperihatinan penulis terhadap perkembangan pesat negara ini telah menyebabkan ada diantara mereka yang menghasilkan karya-karya berunsur Islam.

4.1 Rumusan karya Tahun 1999

Karya-karya terbitan tahun 1999¹⁸ lebih bersifat horizontal yakni merujuk kepada unsur fizikal yang menekankan realiti dan makna literal yang didapati daripada sesebuah karya Terdapat 22 buah karya bersifat horizontal berbanding dengan 14 karya yang bersifat vertikal. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh pemulihan ekonomi Singapura. Bertambahnya kemampuan material menyebabkan manusia lebih mementingkan hal-hal yang bersangkutan paut dengan kemanusiaan. Bertambahnya kemampuan bermakna bertambah juga masalah moral masyarakat yang mula lupa akan kampung akhirat dan bantuan Allah. Persoalan-persoalan yang ditonjolkan meliputi hubungan suami-isteri, masalah kewangan, hipokrasi, maksiat, takbur, ujian Tuhan, budaya negatif dan budaya mementingkan diri sendiri. Penulisan seumpama ini merealisasikan aspek ibadat dalam bentuk fardhu ain dan kifayah. Penulis sering cuba membetulkan salah faham agama kesan kemodenan dan salah laku manusia akibat globalisasi.

4.2 Rumusan Karya Tahun 2000

Karya-karya terbitan tahun 2000¹⁹ pula menunjukkan adanya tren peningkatan terhadap sifat vertikal dalam berkarya. Sifat vertikal merujuk kepada karya yang menonjolkan hubungan vertikal dalam konteks ibadat yang merujuk kepada unsur spiritual yang direalisasikan dalam bentuk karya dan maknanya memerlukan tafsiran pembaca. Ia sekaligus menonjolkan unsur fahaman dalaman manusia. Kini jumlah karya bersifat vertikal hampir sama banyak dengan yang bersifat horizontal iaitu 19 vertikal dan 21 horizontal. Perkembangan ini menunjukkan adanya penulis sastera Islam yang mula sedar akan kepentingan menonjolkan karya-karya yang memerlukan pembaca mengupas kebesaran Tuhan. Karya ini biasanya bersifat doa dan muhasabah diri. Penulis cuba menonjolkan konsep Islam yang sebenarnya agar dapat dihayati dan difahami oleh pembaca supaya membaca hikmah kepada mereka.

Keadaan ini mungkin disebabkan oleh kemelesetan yang berulang pada tahun 2000. Manusia kini lebih akur akan kuasa Tuhan kerana dari segi urutan sejarah dan ratio, biasanya kemelesetan berlaku dalam satu putaran setiap 10 tahun. Namun, hakikatnya sejak 1997 hingga kini, Singapura telah mengalami dua putaran kemelesetan akibat daripada masalah nyanilai matawang Thailand pada tahun 1977 dan masalah kelembapan pasaran ekspot global pada pertengahan tahun 2000 hingga kini. Penulis sebagai insan sensitif pastinya ingin membuktikan bahawa semua ini adalah kehendak Tuhan dan ia

¹⁸ Sila lihat lampiran 5 & 7 bagi senarai lengkap karya.

¹⁹ Sila lihat lampiran 6 & 8 bagi senarai lengkap karya.

merupakan ujian akan kesabaran dan kemampuan manusia memikirkan kelemahan mereka supaya dapat diperbaiki.

4.3 Antara Cerpen dan Sajak²⁰

Konsep karya bersifat horizontal atau vertikal ini nampaknya memanifestasikan bentuknya dalam media yang berbeza. Berdasarkan karya-karya tahun 1999 dan 2000, karya yang bersifat vertikal lebih cenderung dalam bentuk sajak iaitu 29 buah berbanding dengan 4 buah dalam bentuk cerpen. Ini membuktikan bahawa penulis Singapura lebih selesa merealisasikan hubungannya dengan Tuhan melalui genre sajak berbanding dengan cerpen. Ini juga mungkin disebabkan oleh kurangnya kemahiran penulis dalam bidang tersebut. Lagipun setakat ini tidak ramai penulis sastera Islam di Singapura. Antaranya yang masih aktif adalah Masuri S N, Mohd Salleh Mahmud, Suratman Markasan, Djohar Buang dan Peter Augustine Goh.

Pendekatan menggunakan sajak sebagai wadah menghasilkan karya bersifat vertikal ini juga mempunyai motifnya. Singapura merupakan negara yang amat sensitif terhadap isu-isu perkauman dan kenegaraan. Sekiranya seorang penulis itu ingin merealisasikan rasa kurang senangnya terhadap polisi pemerintah yang mungkin dianggap merosakkan anak-anak Melayu, penulis itu akan menggunakan sajak memandangkan tafsiran sajak sedemikian hanya akan difahami oleh pembaca yang benar-benar mengerti dan mengamal agamanya. Maka mesej itu akan dapat disampaikan dan disebarluaskan dengan selamat dan sempurna. Sesungguhnya perjuangan menegakkan agama dan maruah bangsa itu memerlukan hati yang ikhlas dan dedikasi. Maka ia tidak akan difahami oleh mereka yang sememangnya jauh dari Tuhannya.

Cerpen pula sering digunakan untuk menyampaikan pengajaran keagamaan memandangkan ia adalah genre yang amat popular di kalangan pembaca. Biasanya cerita yang dihasilkan bersifat realiti kehidupan di Singapura. Ia mudah difahami oleh masyarakat. Maka usaha mendidik akan kebesaran Tuhan demi membawa hikmah kepada manusia lebih mudah dilakukan berbanding dengan sajak yang lebih berunsur tasawwuf. Cerpen yang dihasilkan juga lebih mudah difahami kerana bahasanya jelas serta watak-wataknya teratur dan lebih realistik. Lagipun pembaca biasanya lebih mudah faham sesuatu yang konkrit seperti cerpen berbanding dengan yang abstrak seperti sajak.

5.0 Kesimpulan

Kesusasteraan Islam di Singapura semakin matang dan menuju ke arah mistik terutama sekali dalam persajakan. Perkembangan ini sesuai dengan pegangan kertas kerja ini iaitu penulis dalam sastera Islam mestilah seorang yang beriman yakni beragama Islam. Kesusasteraan Islam yang dihasilkan berdasarkan tema keislaman oleh seorang bukan Islam boleh diklasifikasikan sebagai sastera bersumberkan Islam bukan sastera Islam. Jauhari juga yang mengenal manikam. Hati budi seorang Muslim tidak akan sama dengan

²⁰ Sila lihat lampiran 4 bagi perbandingan.

mereka yang tidak mengabdikan diri kepada Allah. Surah al-Baqarah ayat 109 dengan jelas menyokong tasawwur ini :

“Ramai dari orang-orang ahli-kitab inginkan kalau kiranya mereka boleh mengembalikan kamu menjadi kafir sesudah kamu beriman kerana dengki yang berselapur di dalam diri mereka, sesudah ternyata kepada mereka itu kebenaran.”
(Al-Bqarah :109)

Atas dasar ini juga, tidak semua penulis yang beragama Islam itu boleh menghasilkan sastera Islam kerana karya beliau mungkin menekankan unsur sekular sahaja seperti erotik, fantasi dan animisme. Natiujahnya, kita terpaksa hadapi realiti bahawa tidak semua karya hasil gagasan ‘seni untuk seni’ dan ‘seni untuk masyarakat’ itu boleh diklasifikasikan sebagai sastera Islam. Sebaliknya, karya-karya tersebut mungkin bersifat sastera bersumberkan Islam. Dapat disimpulkan bahawa karya dan penulis merupakan dua komponen penting dalam menentukan sastera Islam.

Sastera Islam yang sebenarnya berlandaskan ibadat. Unsur mistik merupakan media utama dalam beribadat. Unsur mistik ini diadunkan dengan realiti kehidupan yang digerakkan oleh qada’ dan qadar, akhirnya menghidupkan karya yang padat dengan syariat Islam yang membawa kepada kesedaran dan kecemerlangan hidup duniawi dan ukhrawi. Proses ini menghasilkan sastera Islam.

Bibliografi

- Abdul Ahmad 1994. *Kesusasteraan Bandingan Sebagai Satu Disiplin*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Kamal Abdullah 1994. *Kesusasteraan Bandingan dalam Perbincangan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Sonhadji Mohamad 1990. *Juz 19 Tafsir Al Quran*. Kuala Lumpur. Pustaka Al Mizan.
- Ali Ahmad 1994. *Pengantar Pengajian Kesusasteraan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A.Teeuw 1995. *Sastera dan Ilmu Sastera Pengantar Teori Sastera*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Baharudin Ahmad 1992. *Sastera Sufi*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hadijah Rahmat 1998. *Sastera dan Manusia Melayu Baru*. Singapura. Persatuan Wartawan Melayu Singapura.
- Haron Daud 1994. *Kesusasteraan Klasik - Manusia dan Kepercayaan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibnul Qayyim 1990. *Roh*. Terjemahan Syed Ahmad Semait. Singapura. Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Mana Sikana 1988. *Kritikan Sastera - Masalah dan Peningkatan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Pitchay Gani BMAA. IT, Jika Tidak Dikawal Boleh Jadi Parasit Dalam Masyarakat dlm *Berita Minggu*, 15 Julai 2001
- Mohd Pitchay Gani BMAA. Terpinggir atau Dipinggirkan ? Sikap Masyarakat Jadi Penentu dlm. *Berita Minggu*, 4 Februari 2001
- Mohd Pitchay Gani BMAA. Dialog dengan Menteri Kanan - Cara Terbaik untuk Bergerak ke Depan dlm. *Berita Harian*, 10 Mac 2001
- Mohd Pitchay Gani BMAA. "Mengharungi Cabaran Globalisasi" dlm. *Berita Harian*, 30 Jun 2001

- Mustafa Haji Daud 1994. *Tamadun Islam*. Kuala Lumpur. Utusan Publications & Distributions Sdn Bhd.
- Mustafa Haji Daud 1995. *Konsep Ibadat Menurut Islam* Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nadwah Sastera 1991. *Dinamika Budaya*. Singapura. Majlis Pusat.
- Shahnon Ahmad 1991. *Sastera sebagai Seismograf Kehidupan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Muhammad Naquib Al- Attas 1990. *The Nature of Man And The Psychology of Human Soul*. Kuala Lumpur. ISTAC
- Syed Muhammad Naquib Al- Attas 1991. *The Concept of Education In Islam*. Kuala Lumpur. ISTAC
- Singapore 2000 - The official Yearbook*. Singapore. Ministry of Informations and the Arts.
- S. Othman Kelantan 1987. *Arah Pemikiran Sastera Malaysia*. Bangi. Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Talib Samat 1993. *Di Sekitar Dunia Sastera dan Permasalahannya*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zakaria Stapa 1996. *Tasawuf dan Empat Tokoh Sufi*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zahrah Ibrahim 1987. *Perkembangan Sastera Kebangsaan - Esei Kritikan Pemenang Hadiah Sastera 1982-1983*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
1996. *Times Chambers Combined Dictionary*. Singapore. Federal Publications and Chambers.
- Suratman Markasan. Sastera Islam : Bentuk dan Penerapannya Bagaimana ? dlm *Dewan Sastera*, hlm 10-13, Februari 2001
- Samsina Haji Abd Rahman. Teori Takmilah dalam Puisi-Puisi Malaysia dlm *Dewan Sastera*, hlm 14-23, Februari 2001
- Mana Sikana. Teori Taabuddiyah dlm *Dewan Sastera*, hlm 24-28, Februari 2001
- Muhd Ariff Ahmad dan Mohd Raman Daud 1998. "Islam Dalam Wajah Seni Di Singapura". Kertas kerja sempena pertukaran misi muhibah tamadun Islam dan Dialog seniman Muslim, 26-20 Jun.

LAMPIRAN 1

<i>No</i>	<i>Cerpen</i>	<i>Penulis</i>	<i>Tahun</i>
Cabaran Ekonomi			
1	Gawat	Ahmad Awang	1999
2	Terpadamnya satu titik kebenaran	Peter Augustine Goh	1999
3	Parasit		2000
Cabaran Nilai			
1	The Pest	Muhd Salihin Sulaiman	1999
2	Mrs George Nelson Berton	Mohd Pitchay Gani	1999
3	Suatu Simpangan Sebuah Masjid	Mohd Ismail Sidek	1999
4	Ku Sangka Panas sampai Ke Petang	Ruhaya Haji Abdul Kadir	1999
5	Tunang Tuk Bilal	Suliami Warno	1999
6	Dedaunan	Muhd Salihin Sulaiman	1999
7	Ubat	Ahmad Awang	1999
8	Qul	Ismail Wardi	2000
9	Musafir	Peter Augustine Goh	2000
10	Segelas Arak Secawan Arak	Ismail Wardi	2000
11	Menguak Kelopak Takdir	Mohd Ismail Sidek	2000
12	Anisa	Zee SHK	2000
13	Sam	Ridhwan Anwar	2000
Cabaran Bangsa			
1	Madrasah	Djohar Buang	1999
2	Merpati-Merpati Masjid	Suratman Markasan	1999
3	Siapa Bunuh Kucingku	Suratman Markasan	1999
4	Ayat-Ayat yang Melayang	Suratman Markasan	2000

LAMPIRAN 2

No	Sajak	Penulis	Tahun
Cabaran Ekonomi			
1	Pergolakan	Sutera Putih	1999
2	Bersendiri	Noorhayati	2000
Cabaran Nilai			
1	Satu Penantian	Mariam Papok	1999
2	Satu Kepastian	Mohd Salleh Mahmud	1999
3	Dalam Gengaman	Mariam Papok	1999
4	Kau yang Dilupakan	Mohd Salleh Mahmud	1999
5	Kesan Dalaman	Masuri S N	1999
6	Segalanya Mungkin	Sutera Putih	1999
7	Kebahagiaan	Noor	1999
8	Pergolakan	Sutera Putih	1999
9	Amanah	Noorhayati	1999
10	Y2K	Md Salleh Mahmud	1999
11	Iman	Md Gazali Arshad	2000
12	Lailatul Qadar I	Fazidah Abu Bakar	2000
13	Lailatul Qadar II	Mohd Pitchay Gani	2000
14	Sahabat Sejati	Noorhayati	2000
15	Murabakah (Mencari)	Md Salleh Mahmud	2000
16	Siapa Sebenarnya Kita Ini	Suratman Markasan	2000
17	Rintihan	Md Salleh Mahmud	2000
18	Melayu Busuk	Fatimah Abdullah	2000
19	Manusia Tenggelam dalam Lautan Nafsu	Suratman Markasan	2000
Cabaran Bangsa			
1	Aku dan duniaku	Noor	1999
2	Hati	Suratman Markasan	1999
3	Umatku	Md Salleh Mahmud	1999
4	Apa Katamu	Masuri S N	1999
5	Sebuah Masjid Sebuah Rumah Allah	Suratman Markasan	1999
6	Cintaku Tidak Luntur	Masuri S N	2000
7	Puisi Gundah Puisi Menjelang Alaf Baru	Suratman Markasan	2000
8	Iman		
8	Seekor Penyu di Padang Sahara	Hj Djauhar	2000
9	Kunci Kebahagiaan	Md Salleh Mahmud	2000
10	Mana dan Bila Kita	Md Fatris Bakaram	2000

LAMPIRAN 3

Doa dan Muhasabah Diri			
1	Keabadian	Abdul Ghani Hamid	1999
2	Nostalgia Haji	Mibarzo	1999
3	Hijrah	Asmin	1999
4	Mengenal Diri	Mohd Salleh Mahmud	1999
5	Sayup	Rosemerah Abdullah	1999
6	Dalam Gengaman	Mariam Papok	2000
7	Masjid itu Hati	Suratman Markasan	2000
8	Sejenak di Arafah Seusia Pengakuan Penyesalan	Mibarzo	2000
9	Sebagai Tetamu Allah	Peter Augustine Goh	2000
10	Beringat	Md Ghazali Md Arshad	2000
11	Merindu	Fazidah Abu Bakar	2000
12	Semalam di Arafah	Mohd Salleh Mahmud	2000
13	Hidayat	Halimah Madon	2000
14	Mati	Mohd Salleh Mahmud	2000
15	Pengakuanku	Suratman Markasan	2000
16	Sekalung Doa	Dehliez	2000
17	Bulan Pemantau Kebesaran-NYA	Eunosasah	2000
18	Dialog antara Hamba dengan Khaliqnya pada Subuh 1 Syawal	Suratman Markasan	2000
19	Selembat Jumaat dan Merangkaklah Haba ini Seekor Serangga	Djohar Buang	2000

LAMPIRAN 5

**Senarai cerpen-cerpen bersumberkan Islam
sepanjang tahun 1999 terbitan Berita Minggu Singapura**

NO	TAJUK	PENULIS	MESEJ	KONSEP	TARIKH
1	Dedaunan	Muhd Salihin Sulaiman	Qadaq dan Qadar tidak boleh diatasi kerana kuasa Tuhan mengatasi segalanya. Tua tidak semestinya mendahului muda dalam kematian.	Vertikal	3-1-99
2	Suatu Simpangan Sebuah Masjid	Mohd Ismail Sidek	Masalah keluarga yang lemah akidah dan keimanan sehinggakan mertua sanggup mengenyahkan hak suami ke atas isterinya yang terlalu bebas.	Horizontal	10-1-99
3	Ubat	Ahmad Awang	Kebesaran Tuhan dalam menyembuhkan penyakit lebih realistik daripada satu ubat tradisional yang kononnya boleh menyembuhkan pelbagai penyakit.	Horizontal	17-1-99
4	Terpadamnya satu titik kebenaran	Peter Augustine Goh	Manusia akan ingat dan berjanji kepada Tuhan apabila menderita kesakitan atau diambang maut tetapi lupa segalanya apabila selamat kembali	Horizontal	24-1-99
5	Gawat	Ahmad Awang	Berkat sembahyang mampu merubah hati seseorang yang sedang dalam tekanan dan hampir membunuh anaknya sendiri kerana masalah kewangan. Akhirnya bertaubat	Horizontal	31-1-99
6	Siapa bunuh kucingku	Suratman Markasan	Sifat hipokrasi manusia yang bermuka-muka apabila adanya orang atasan sehingga akhirnya semua diperbodohkan oleh nenek tua yang dianggap gila.	Horizontal	7-2-99
7	The Pest	Muhd Salihin Sulaiman	Penyakit yang dialami merupakan musibah yang diturunkan ke atas mereka yang cuba menukar pemberian Tuhan secara semulajadi demi memuaskan nafsu sendiri.	Horizontal	21-2-99
8	Ku sangka Panas Sampai Ke Petang	Ruhaya Haji Abdul Kadir	Janganlah sombong diri dan hanya inginkan yang cantik sahaja kerana ia juga diingini oleh orang lain. Kelak kita akan ditinggalkannya diganti oleh yang baru.	Horizontal	28-2-99
9	Madrasah	Djohar Buang	Berkhidmat melestarikan ilmu agama Allah pasti mendapat berkat dan kesenangan hidup sekiranya ada keikhlasan,	Horizontal	28-3-99

10	Mrs George Nelson Berton	Mohd Pitchay Gani Bin Mohd Abd Aziz	Manusia yang lemah akidahnya dan terlalu mementingkan dunia sanggup menggadaikan maruah agama dan terus dibelenggu kemungkaran kerana hidup dalam rumahtangga sivil.	Horizontal	25-7-99
11	Suatu Ketika	Rohman Munasip	Manusia tidak pernah puas dengan nikmat yang ada dan lupa kepada waktu.. Ini merupakan penyakit batin yang penawarnya ialah taubat dan beribadah untuk mencapai ketenangan.	Vertikal	1-8-99
12	Tunang Pak Bilal	Suliami Warno	Orang yang sabar dan beriman kepada Allah pasti mencapai kejayaan dalam hidup iaitu dia tidak akan kesempitan harta dan jiwa. Pasangannya yang dikurniakan juga terdiri daripada orang yang baik-baik juga.	Horizontal	5-9-99
13	Merpati-merpati Masjid	Suratman Markasan	Masalah manusia mementingkan keinginan sendiri daripada kepentingan masyarakat Anggota jawatankuasa masjid juga tidak terlepas daripada musibah ini.	Horizontal	10-10-99

Jumlah cerpen yang diterbitkan sepanjang tahun 1999 - 44 / 100 %
 Jumlah cerpan bersumberkan Islam - 13 / 30%

LAMPIRAN 6

Senarai cerpen-cerpen bersumberkan Islam sepanjang tahun 2000 terbitan Berita Minggu Singapura

NO	TAJUK	PENULIS	MESEJ	KONSEP	TARIKH
1	Qul	Ismail Wardi	Ibadat mesti diiringi akidah yang kukuh dan sempurna agar tidak mudah terpedaya oleh nafsu dan kecantikan duniawi yang menjadi permainan syaitan.	Vertikal	2-1-2000
2	Keinsafan	Mariam Papok	Hidayah Allah tidak boleh ditolak oleh sesiapaupun dan kedatangannya tanpa diduga.	Horizontal	16-1-2000
3	Musafir	Peter Augustine Goh	Sesungguhnya orang yang paling kita sayangi boleh merosakkan kita kecuali Allah.	Horizontal	26-3-2000
4	Segelas Arak Secawan Susu	Ismail Wardi	Ibu bapa merupakan harapan dalam mencorakkan anak itu. Jika jahil mereka, jahillah anak tersebut.	Horizontal	2-4-2000
5	Menguak Kelopak Takdir	Mohd Ismail Sidek	Rezeki yang diperolehi secara haram tidak akan membawa berkat kerana kemewahan material tidak menjamin kebahagiaan kerana tiada keberkatan.	Horizontal	24-4-2000
6	Parasit	Mohd Pitchay Gani Bin Mohd Abd Aziz	Manusia merancang tetapi Tuhan menentukan. Kebesaran Tuhan membuktikan bahawa manusia yang gagal mentadbir kehidupan dengan sempurna adalah golongan yang rugi. Tiada siapa yang boleh dipercayai kecuali yang maha Esa.	Horizontal	21-5-2000 28-5-2000
7	Anisa	Zee SHK	Wanita yang inginkan kebebasan hanya membelengu dirinya dalam dunia lelaki.	Horizontal	2-7-2000
8	Ayat-Ayat Yang Melayang	Suratman Markasan	Allah menunjukkan kebesarannya dalam pelbagai media. Hanya manusia sahaja yang leka menghayatinya dan sering lupa akan kebesaran dan kebenarannya	Horizontal	20-8-2000
9	Sam	Ridhwan Anwar	Manusia yang tidak kuat akidahnya akan tergoyah imannya apabila bergelumang dengan dunia yang dikelilingi kekufuran dan kemaksiatan. Akhirnya dia akan terserap ke dalam kesekitaran itu.	Horizontal	15-10-2000

Jumlah cerpen yang dihasilkan sepanjang tahun 2000 - 49 / 100 %
 Jumlah cerpen bersumberkan Islam - 9 / 18 %

LAMPIRAN 7

**Senarai sajak-sajak bersumberkan Islam
sepanjang tahun 1999 terbitan Berita Minggu Singapura**

NO	TAJUK	PENULIS	TARIKH	KONSEP
1	Aku dan Duniaku	Noor	3-1-99	Vertikal
2	Satu Penantian	Mariam Papok	3-1-99	Vertikal
3	Satu Kepastian	Mohd Salleh Mahmud	31-1-99	Horizontal
4	Dalam Gengaman	Mariam Papok	7-2-99	Horizontal
5	Keabadian	Abdul Ghani Hamid	14-2-99	Vertikal
6	Hati	Suratman Markasan	7-3-99	Vertikal
7	Masjid Al Istiqamah	A Rahim Basri	21-3-99	Vertikal
8	Nostalgia Haji	Mibarzo	28-3-99	Vertikal
9	Kau yang Dilupakan	Mohd Salleh Mahmud	4-4-99	Horizontal
10	Kesan Dalaman	Masuri S N	11-4-99	Vertikal
11	Hijrah	Asmin	25-4-99	Vertikal
12	Mengenal Diri	Mohd Salleh Mahmud	23-5-99	Vertikal
13	Umatku	Mohd Salleh Mahmud	30-5-99	Horizontal
14	Segalanya Mungkin	Sutera Putih	6-6-99	Horizontal
15	Apa Katamu	Masuri S N	13-6-99	Horizontal
16	Kebahagiaan	Noor	11-7-99	Horizontal
17	Pergolakan	Sutera Putih	18-7-99	Horizontal
18	Y2K	Mohd Salleh Mahmud	25-7-99	Horizontal
19	Sayup	Rosemerah Abdullah	1-8-99	Vertikal
20	Sebuah Masjid Sebuah Rumah Allah	Suratman Markasan	22-8-99	Horizontal
21	Amanah	Noorhayati	3-10-99	Horizontal
22	Dalam Gengaman	Mariam Papok	7-11-99	Vertikal
23	Iman	Md Gazali Arshad	12-12-99	Horizontal

Jumlah sajak sepanjang 1999 - 96 / 100 %
 Jumlah sajak bersumberkan Islam sepanjang 1999 - 23 / 24 %

LAMPIRAN 8

**Senarai sajak-sajak bersumberkan Islam
sepanjang tahun 2000 terbitan Berita Minggu Singapura**

NO	TAJUK	PENULIS	TARIKH	KONSEP
1	Lailatul Qadar I	Fazidah Abu Bakar	2-1-2000	Horizontal
2	Lailatul Qadar II	Md Pitchay Gani Bin Md Abd Aziz	2-1-2000	Horizontal
3	Manusia Tenggelam Dalam Lautan Nafsu	Suratman Markasan	13-2-2000	Horizontal
4	Masjid Itu Hati	Suratman Markasan	5-3-2000	Vertikal
5	Sejenak di Arafah Seusia Pengakuan Penyesalan	Mibarzo	12-3-2000	Vertikal
6	Sebagai Tetamu Allah	Peter Augustine Goh	19-3-2000	Vertikal
7	Cintaku Tidak Luntur	Masuri S N	26-3-2000	Horizontal
8	Beringat	Md Ghazali Md Arshad	16-4-2000	Vertikal
9	Sajak Terima Kasih	Peter Augustine Goh	23-4-2000	Vertikal
10	Sahabat Sejati	Noorhayati	23-4-2000	Vertikal
11	Merindu	Fazidah Abu Bakar	30-4-2000	Vertikal
12	Semalam Di Arafah	Md Salleh Mahmud	4-6-2000	Vertikal
13	Binatang Contoh	Dehliez	4-6-2000	Horizontal
14	Puisi Gundah Puisi Menjelang Alaf Baru	Suratman Markasan	4-6-2000	Vertikal
15	Hidayat	Halimah Madon	11-6-2000	Vertikal
16	Mati	Md Salleh Mahmud	25-6-2000	Horizontal
17	Murabakah (Mencari)	Md Salleh Mahmud	2-7-2000	Horizontal
18	Iman	Md Ghazali Md Arshad	2-7-2000	Horizontal
19	Seekor Penyu Di Padang Sahara	Hj Djauhar	9-7-2000	Vertikal
20	Pengakuanku	Suratman Markasan	16-7-2000	Vertikal
21	Kunci Kebahagiaan	Md Salleh Mahmud	6-8-2000	Horizontal

22	Mana dan Bila Kita	Md Fatris Bakaram	27-8-2000	Horizontal
23	Siapa Sebenarnya Kita Ini	Suratman Markasan	17-9-2000	Vertikal
24	Rintihan	Md Salleh Mahmud	1-10-2000	Vertikal
25	Melayu Busuk	Fatimah Abdullah	15-10-2000	Horizontal
26	Penantian	Asnah Hj Budin	26-11-2000	Horizontal
27	Bersendiri	Noorhayati	26-11-2000	Horizontal
28	Sekalung Doa	Dehliez	26-11-2000	Vertikal
29	Bulan Pemantau Kebesaran-Nya	Eunosasah	3-12-2000	Vertikal
30	Dialog Antara Hamba Dengan Khaliqnya Pada Subuh 1 Syawal	Suratman Markasan	24-12-2000	Vertikal
31	Selembat Jumaat Dan Merangkaklah Hamba Ini Seekor Serangga	Djohar Buang	31-12-2000	Vertikal

Jumlah sajak sepanjang 2000 - 112 / 100 %

Jumlah sajak bersumberkan Islam sepanjang 2000 - 31 / 28 %